

## **Pengalaman Fasa Awal Perkahwinan (1 hingga 5 tahun) Sebagai Isteri Penagih Dadah : Satu Kajian Penerokaan**

*The Early Phase of Marriage Experiences (1 to 5 years) as the Wife of Drug Addicts:  
An Exploration Study*

**\*Ezarina Zakaria, Fauziah Ibrahim & Farahida Ismail**

Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia

\*e-mail: [ezaz@ukm.edu.my](mailto:ezaz@ukm.edu.my)

**Received:** 03 March 2021; **Accepted:** 22 June 2021; **Published:** 01 July 2021

**To cite this article (APA):** Zakaria, E., & Ibrahim, F. (2021). The early phase of marriage experiences (1 to 5 years) as the wife of drug addicts: An exploration study. *EDUCATUM Journal of Social Sciences*, 7(2), 1-10. <https://doi.org/10.37134/ejoss.vol7.2.1.2021>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/ejoss.vol7.2.1.2021>

### **ABSTRAK**

Artikel ini membincangkan pengalaman isteri apabila suami terlibat menyalahguna dadah. Kajian kes ini menumpu kepada impak menyalahgunaan dadah dalam fasa awal perkahwinan (tempoh 1 hingga 5 tahun berkahwin) yang masih kurang diberi perhatian. Objektif kajian adalah untuk meneroka pengalaman wanita yang pernah melalui kehidupan rumah tangga berisiko apabila berkahwin dengan seorang penagih dadah. Kajian kes ini menggunakan kaedah kualitatif. Seramai sepuluh orang wanita telah dipilih sebagai informan menggunakan persampelan snow ball. Pengumpulan data dijalankan secara temu bual bersemuka. Kesemua informan telah bercerai sebelum perkahwinan mencapai tempoh lima tahun. Pengalaman dalam fasa awal menunjukkan kesemua informan i) sering dipukul suami, ii) merasa bimbang dengan keselamatan diri akibat suami juga terlibat jenayah lain, iii) bebanan dwiperanan isteri apabila suami tidak menyediakan nafkah dan iv) rasa tidak selesa apabila suami kerap memaksa melakukan hubungan intim secara kasar. Walaupun perkahwinan boleh menjadi faktor pelindung daripada masalah sosial, namun risiko rumah tangga berkonflik dan tidak stabil menjadi tinggi bagi perkahwinan fasa 1 hingga 5 tahun akibat menyalahgunaan dadah. Kajian ini memberi implikasi pentingnya intervensi khusus bagi wanita yang mempunyai suami terjebak dadah agar sentiasa peka dengan risiko penderaan domestik. Amat penting untuk ibu muda ini diberi pendedahan peranan agensi sokong bantu dan pakar yang boleh dirujuk apabila berhadapan dengan menyalahgunaan dadah.

**Kata kunci:** pengalaman isteri, fasa awal perkahwinan, suami penagih dadah, risiko rumah tangga, menyalahgunaan dadah

### **ABSTRACT**

*The article discusses the experience faced by the wives when their husbands are involved in drug abuse. This case study focuses on the impact of drug abusers in their early phase of marriage (from 1 to 5 years of marriage) which is still lack of emphasized. The objective of the study was to explore the experiences of women who lived in at-risk households after being married to drug addicts. The case study used a qualitative method. A total of ten women were selected as informants using snowball sampling. Data collection was conducted through face-to-face interviews. All informants were divorced before they reached five years of marriage. The experiences in their early phase of marriage have shown that all informants were: i) often beaten by their husbands; ii) worried about their personal safety due to their husbands' behaviors who are also involved in other crimes; iii) facing dual-burden as their husbands did not provide any basic needs in the households; and iv) feeling uncomfortable during sexual intercourse due to their husbands forced and rough behavior. Although marriage can be a protective factor in avoiding social problems, however the drug abuse issues at an early phase of marriage, especially within 1 to 5*

*years, can cause risks and conflicts in the households. The study implies the importance of specific interventions for women, whose husbands are drug-addicts, to remain alert and be aware of the risks of domestic abuse. It is also important for these young mothers to have exposure on the roles of existing social support agencies and experts who can be consulted when dealing with drug abuse.*

**Key Words:** *wife experiences, early phase in marriage, drug addict husband, marriage risk, drug abuse*

## **PENGENALAN**

Kepuasan perkahwinan dicirikan menerusi beberapa faktor peramal seperti gaya komunikasi dan penyesuaian hidup yang secara signifikan mempengaruhi kualiti perkahwinan bagi pasangan muda (1-10 tahun perkahwinan) di Malaysia (Siti Marziah, Asila Nur Adlynd, Salina, & Nor Ba'yah, 2020 ; Siti Marziah, Abdul Rahman, Nor Ba'yah & Salina, 2018). Kajian kepuasan perkahwinan banyak dijalankan dengan memberi tumpuan kepada tempoh atau usia sesuatu perkahwinan. Perkahwinan 1-10 tahun dikategorikan sebagai fasa pertama yang melibatkan proses perkenalan, penyesuaian dan perubahan hidup. Penelitian ke atas literatur terdahulu juga mendokumentasikan kekerapan berlakunya konflik rumah tangga dan perceraian pada sela fasa yang sama ataupun usia perkahwinan lebih rendah iaitu dalam tempoh 1 hingga 5 tahun. Pasangan masih berada dalam peringkat awal perkahwinan yang cenderung untuk mengalami konflik hubungan dan perselisihan. Pelbagai transisi kehidupan berlaku dalam fasa ini seperti perubahan status bujang kepada berkahwin, perubahan privasi, pembuatan keputusan, kewangan, sosial dan keibubapaan (Siti Marziah et al. 2019). Beberapa penemuan kajian terdahulu yang membuktikan bahawa tempoh perkahwinan khususnya lima tahun pertama, umur berkahwin pada usia muda dan gaya komunikasi merupakan faktor yang boleh menjadi pemangkin masalah perceraian (Hakimi 2016 ; Abe Sophian et al 2014). Keadaan kewangan juga sering dikaitkan dengan status ketidakstabilan perkahwinan (Dew & Steward, 2012). Faktor ini tidak dinafikan menjadi pencetus pasangan suami isteri untuk bercerai. Walau bagaimanapun, masih terdapat faktor lain seperti penagihan dadah dan penglibatan dalam jenayah yang turut mempengaruhi kualiti rumah tangga fasa 1 hingga 5 tahun terawal. Namun, kajian pengaruh dadah menumpu kepada perkahwinan fasa awal ini masih kurang diberi penekanan.

Setiap perkahwinan dan institusi kekeluargaan mempunyai set peraturan, peranan, kuasa, struktur, bentuk komunikasi, cara perbincangan serta penyelesaian masalah yang tersendiri (Goldenberg & Goldenberg 2012). Wujud tugas serta medium kawalan sosial dalam keluarga bagi memastikan semua ahlinya memenuhi jangkaan bagi peraturan yang dibentuk. Set peraturan yang diterima baik oleh sesama ahli keluarga akan mengukuhkan kestabilan hubungan. Namun, apabila ia tidak mampu dikendalikan dengan rasional serta ada ahli keluarga yang terjebak dalam masalah sosial seperti jenayah dan penagihan dadah, maka hubungan antara suami isteri mahupun ahli dalam institusi kekeluargaan itu terancam. Seringkali juga, pasangan berkahwin akan menjadikan perceraian sebagai salah satu solusi kepada masalah yang berlaku dengan tindakan berpisah dan membuat haluan masing-masing.

Peningkatan kadar perceraian bagi tempoh lima tahun pertama perkahwinan menjadi faktor paling ketara dalam perubahan institusi keluarga dewasa ini (Hakimi 2016). Häkkinen (2013) menilai situasi ini sebagai suatu masalah sosial yang berpotensi mencabar nilai murni institusi kekeluargaan dan asas sesebuah masyarakat. Bagi kes sebuah perkahwinan yang mana ketua keluarga terlibat dengan penyalahgunaan dadah, pasangan atau isteri lebih cenderung mengambil keputusan bercerai. Tingkah laku dan keadaan emosi suami setelah terdedah dengan bahaya dadah seperti tingkah laku temperamental, agresif dan tidak mampu mengendalikan emosi mereka dengan efektif menyebabkan tekanan fizikal dan mental terhadap isteri (Nur Juwariyah 2011). Pasangan yang terlibat dengan masalah penyalahgunaan dadah terutamanya suami telah kerap kali dilapor melakukan penderaan ke atas isteri dan anak-anak.

Penyalahgunaan dadah memberi impak jangka panjang dan berterusan terutamanya kepada wanita serta kanak-kanak jika tiada intervensi perlindungan atau kawalan sosial. Selalunya, kesan ketara lebih dikenalpasti pada pasangan. Menurut Daley (2013), wanita yang hidup bersuamikan penagih dadah

cenderung mengalami bebanan emosi, kekangan kewangan, konflik hubungan dan pertambahan peranan/dwiperanan. Terperangkap dalam perkahwinan dengan seorang penagih dadah mencetuskan bebanan emosi khususnya rasa marah, kecewa, bimbang, takut, murung, malu dan juga rasa bersalah. Emosi yang berubah-ubah mewujudkan tekanan dalam jangka masa panjang kepada isteri penagih. Wanita ini seterusnya boleh berubah menjadi individu yang kurang sensitif dan gagal membuat perapatan emosi dengan anak-anak. Pengabaian emosi kanak-kanak adalah sangat ketara apabila ibu mereka sendiri berhadapan tekanan emosi. Ketakutan isteri terhadap kesan penyalahgunaan dadah ke atas kanak-kanak untuk jangka masa panjang sering menjadi faktor signifikan mereka memilih untuk bercerai. Seterusnya, timbul juga kekangan kewangan dalam keluarga berpunca daripada banyak duit dibelanjakan untuk suami mendapatkan bekalan dadah. Apatahlagi setelah suami diberhentikan kerja oleh majikan yang dapat mengesan keterlibatan mereka dengan dadah ataupun suami dipenjarakan (Ibrahim, Zakaria, Hassan et al. 2021 : Ezarina, 2020). Bebanan kewangan juga menjadi barah apabila adanya pergantungan keluarga kepada pihak lain untuk pinjaman wang. Kebanyakan keluarga terpaksa berhutang ekoran bebanan awal yang berpunca daripada banyak wang dihabiskan untuk penyalahgunaan dadah.

Literatur juga mendokumentasikan wujudnya konflik hubungan antara pasangan suami isteri impak penyalahgunaan dadah. Fasa konflik yang berterusan mendorong berlaku penderaan domestik. Keluarga juga menjadi tidak stabil akibat konflik hubungan ini termasuklah lebih mudah terjebak masalah sosial lain. Sukar bagi seorang isteri dan ibu dalam fasa konflik yang panjang untuk menunjukkan kasih sayang dan memberi rasa selamat kepada anak-anak (Suchman, Pajulo & Mayes, 2013). Bagi kes tertentu, apabila bahaya moral dikesan dalam keluarga, pihak berwajib perlu mengekang dengan menyelamatkan anak pasangan dan menempatkan dalam institusi perlindungan. Kesannya, keluarga terpisah dan impak psikososial lebih teruk boleh berlaku terutamanya kepada isteri yang terpisah daripada anak.

Kanak-kanak dalam keluarga penagih dadah ini juga terdedah kepada risiko ketidakfungsian fasa perkembangan mereka. Seringkali kanak-kanak ini dikesan mengalami masalah nutrisi, kesihatan, tingkah laku luar kawal, lemah dalam kemahiran regulasi emosi, masalah tingkah laku akibat jenayah, keciciran akademik dan ada juga yang mengalami masalah mental seperti kemurungan dan keceluaran kebimbangan. Lebih parah lagi, kanak-kanak daripada keluarga atau rumah tangga berisiko juga banyak meniru perbuatan orang dewasa dalam penagihan dadah. Ini bukan sahaja melibatkan ibu atau bapa, malah kanak-kanak ini juga terdedah kepada tingkah laku menagih dadah mengikut abang atau kakak sendiri (Edwards, Lönn, Sundquist, et al. 2017). Kajian oleh Edwards dan rakan-rakan (2017) membuktikan perkahwinan yang berkonflik adalah peramal terjebaknya kanak-kanak dalam penyalahgunaan dadah terutamanya apabila salah seorang atau kedua-dua ibu bapa mereka pernah terlibat dadah. Kitaran ini bukanlah perkara yang mudah untuk diputuskan kecuali satu intervensi pemulihan khusus diambil (Klostermann & O'Farrell, 2013). Ini kerana terdapat keluarga yang berisiko menjadikan ahli keluarga sendiri sebagai penagih dadah. Kecenderungan sebegini diperhatikan apabila keluarga sendiri mempunyai persekitaran sosial yang menggalakkan penyalahgunaan dadah. Contohnya anak yang membesar bersama ahli keluarga sekediaman yang menyalahguna dadah dianggap mempunyai pengalaman terdedah kepada persekitaran berisiko. Keluarga dikira tinggi risiko apabila : i) ikatan antara anak dan ibu bapa longgar, ii) rendahnya kepedulian ibu bapa untuk terlibat dalam aktiviti anak-anak, iii) amalan pengurusan yang lemah dalam keluarga iv) ada sejarah ahli keluarga terlibat dadah dan v) ibu bapa tidak kisah anak terjebak menagih dadah. Pengkaji seperti Zainah Ahmad Zamani, Rohany Nasir, Asmawati Desa et al. (2013) dan Miller, Siegel, Hohman. & Crano (2013) mengaitkan keluarga sebagai agen faktor risiko apabila terdapat ahlinya menyalahguna dadah. Justeru itu, bagi mengelak terjejasnya keluarga secara total akibat ketua keluarga sendiri menyalahguna dadah, ramai isteri yang mengambil langkah bercerai dan menguruskan sendiri anak-anak tanpa suami.

Ulasan terhadap literatur kajian terdahulu menimbulkan persoalan tentang apakah impak penagihan dadah apabila diteroka daripada perspektif seorang isteri. Persoalan ini perlu dijawab dengan lebih mendalam berdasarkan skop kajian yang mengambil kira pengalaman isteri yang berada dalam tempoh fasa awal perkahwinan. Persoalan yang timbul mendorong satu kajian dijalankan dengan objektif :

1. mengenalpasti profil wanita yang bercerai pada fasa awal perkahwinan akibat penyalahgunaan dadah oleh suami.
2. meneroka impak penagihan dadah ke atas perkahwinan menerusi pengalaman wanita yang berkahwin dengan seorang penagih dadah.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini merupakan satu kajian kes yang meneroka pengalaman informan menggunakan kaedah kualitatif. Lokasi kajian adalah di sebuah kawasan luar bandar di Kedah. Kedah menduduki tangga ketiga kadar perceraian tertinggi negara iaitu selepas Selangor dan Johor dan dikhawatir mencatatkan peningkatan ketara sejak 2015. Berdasarkan Sistem Pengurusan Perkahwinan Islam Malaysia (SPPIM) Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), perceraian di Kedah pada 2019 adalah 23.6 peratus berbanding 12.7 peratus pada 2015. Malahan Kedah juga mencatatkan statistik kes penagih dadah yang tinggi iaitu sebanyak 3528 kes pada tahun 2019 sahaja (AADK, 2021). Angka ini mengatasi kes di Pulau Pinang dan Selangor. Rujukan penyelidik ke atas taburan kes penagihan dadah di samping kes perceraian menjadi justifikasi utama pemilihan informan di negeri ini.

Kajian menggunakan kaedah temu bual bersemuka dan telah dijalankan ke atas sepuluh orang wanita yang dipilih menggunakan persampelan *snowball*. Untuk memastikan keselesaan informan, bentuk temu bual secara tidak formal dan tidak berstruktur telah digunakan supaya informan mampu berkongsi pengalaman peribadi dan menjawab segala persoalan secara lebih terbuka.

Soalan temu bual telah dibina berdasarkan analisis literatur yang bertepatan skop kajian dan selaras dengan pembentukan objektif kajian ini. Tiga bahagian utama soalan temu bual telah dibentuk. Bahagian A adalah mengenai profil informan. Bahagian B meneroka faktor penyalahgunaan dadah dan pengalaman informan tinggal bersama pasangan yang menagih dadah. Bahagian C pula merupakan skop soalan berkenaan impak penyalahgunaan dadah ke atas rumah tangga.

Data dianalisa menggunakan analisis tematik secara manual. Analisa berbentuk pengkodan dibangunkan daripada data mentah yang diperoleh. Pengkodan data dimulakan dengan pandangan keseluruhan (overview) isu yang dikaji, diikuti dengan pengkodan terbuka/*open coding* untuk mencari data substantif. Setelah itu, data dominan ditarik keluar dengan menggunakan pengkodan berpaksi/*axial coding*. Trend kepada subtema yang muncul dianalisa dan dikelompokkan mengikut objektif penyelidikan. Akhir sekali, data dianalisa dengan menggunakan *selective coding*. Pada peringkat ini penelitian, pemilihan dan pengintegrasian data dibuat dengan menghubungkan kategori teras bagi semua tema yang wujud. Proses analisis dijalankan secara telus berpandukan enam langkah analisis tematik yang digunakan oleh pengkaji merujuk Clarke & Braun (2013).

## **PENEMUAN KAJIAN**

Penyalahgunaan dadah bukan sahaja menjadi satu fenomena sejagat dan memberi kesan negatif terhadap perubahan sosial dalam masyarakat malahan turut menyebabkan konflik rumah tangga dan tergugatnya sebuah institusi keluarga. Dapatan kajian ini melaporkan pengalaman informan sebagai isteri kepada penagih dadah. Persamaan utama kesemua informan adalah mereka pernah mempunyai suami yang terlibat menyalahguna dadah dan semasa kajian ini dijalankan semua informan telah bercerai. Informan mengakui bercerai dalam tempoh perkahwinan kurang lima tahun berpunca daripada tidak dapat bertahan dengan suami yang terlibat menagih dadah. Profil ringkas kesemua sepuluh orang informan kajian adalah seperti di dalam Jadual 1.0.

**Jadual 1.0:** Profil Informan

Informan	Umur	Umur Berkahwin	Pendidikan	Pekerjaan	Pendapatan	Tempoh Perkahwinan
1	27	20	PMR	Tukang Jahit	RM 1200.00	5 tahun
2	25	21	SPM	Operator Kilang	RM 1500.00	3 tahun
3	27	22	SPM	Pembantu Butik	RM 1000.00	4 tahun
4	21	17	PMR	Pembantu Kedai Runcit	RM 900.00	3 tahun
5	21	18	PMR	Jurujual	RM 1200.00	2 tahun
6	23	19	SPM	Juruwang Pasaraya	RM 1000.00	3 tahun
7	24	20	SPM	Operator Kilang	RM 1500.00	3 tahun
8	23	20	SPM	Operator Kilang	RM 1500.00	2 tahun
9	23	19	SPM	Operator Kilang	RM 1500.00	3 tahun
10	26	21	SPM	Jurujual	RM 1200.00	4 tahun

Tiga tema utama dikenalpasti daripada analisis tematik yang dijalankan. Semua informan yang ditemubual menyatakan penglibatan bekas suami dalam penyalahgunaan dadah memberi impak i) keganasan domestik dan kecenderungan jenayah lain, ii) ketidakbertanggungjawaban suami menyediakan nafkah dan iii) sikap agresif suami dalam hubungan seks.

### **Keganasan domestik dan kecenderungan jenayah lain**

Individu berkahwin yang terlibat dalam masalah penyalahgunaan dadah turut dikesan cenderung terlibat dengan keganasan rumah tangga ke atas isteri dan anak-anak. Berdasarkan temu bual yang dijalankan, pengkaji mendapati kesemua informan menyatakan perkara yang sama mengenai selalu dipukul oleh suami. Informan mengakui suami mereka kerap berada dalam pengaruh dadah, bertindak di luar kawalan serta kerap memukul isteri walaupun dengan kesalahan kecil. Ini dapat dikenal pasti melalui pernyataan;

*“...selalu la bila dia kong dia minta duit dekat saya. Saya tak bagi memang kena pukul la jawabnya. Kadang salah apa ja pun, kena jugak..dia suka pukul”*

(Informan 4, 21 tahun)

Informan secara keseluruhannya merasakan mereka tidak selamat dengan suami walaupun di dalam rumah sendiri apabila selalu dipukul.

*“...ada, sampai sekarang kak tak boleh nak lupa benda yang dia buat dulu. Dia pernah nak bawa lari anak kak una. Dia nak jual dekat orang nasib baik kak una balik kerja awal sikit masa tu. Dia pergi ambil anak kak una dekat rumah mak kak una masa tu. Kebetulan kak una terus balik rumah mak kak una masa tu. Sempat la kak una rebut anak kak una balik masa tu. Masa tu juga la dia mengamuk dia pukul kak una dengan kayu sampai*

*berdarah dan kak una kena 24 jahitan dekat kepala. Nasib baik ada orang lalu depan rumah kak una masa tu, kalau tiada orang lalu mungkin kak una dah mati kot masa tu.”*  
(Informan 2, 25 tahun)

Selain keganasan domestik, penyalahgunaan dadah juga membuka ruang ke arah jenayah lain. Pasangan berkahwin yang terlibat penyalahgunaan dadah tidak terkecuali untuk terdesak sehingga terlibat dengan jenayah seperti mencuri, meragut, pecah rumah, samun, minum arak dan berjudi. Pernyataan daripada informan 3 sebagai contoh menegaskan seperti berikut: “*Selalunya yang dadah minum arak, sekali berjudi. Selalunya bila di bawah pengaruh dadah memang berlaku macam tu la bab pukul, hilang kawalan.*” Kos untuk memiliki dadah yang tinggi serta perlunya agar bekalan dadah selalu ada, menjadikan suami informan yang ditemui bual turut melakukan jenayah seperti dinyatakan untuk mendapatkan lebih banyak duit dari masa ke masa.

*“Disebabkan mereka nak dapat duit untuk beli dadah, ketagih tu dah ada, dia memang akan mencari jalan la untuk daparkan dadah. Jadi, pada masa itu memang banyak benda jahat lain, jenayah dia boleh buat. Contoh, curi motor, curi duit kat kedai mana-mana ka dia boleh masuk rampas kalau dia punya rasa tak ketahuan, ketagihan semakin meningkat”*

(Informan 3, 27 tahun)

Kajian yang dijalankan oleh Vanassche et al (2017) dan Juwariyah (2011) jelas mengesahkan kenyataan yang dikeluarkan oleh informan berkaitan impak penyalahgunaan dadah dengan keterlibatan dalam jenayah lain dan juga penderaan domestik. Suami yang menggunakan dadah lebih agresif dan tidak mampu mengendalikan emosi mereka dengan efektif. Rendah kemampuan adaptasi dan tidak berminat untuk berfikir panjang mengatur keluarga khususnya dari aspek menyediakan nafkah. Seringkali juga penagih dadah tidak mampu memberi komitmen kerja dan cenderung mengambil langkah mudah memperoleh wang. Akhirnya menjadi justifikasi kukuh mengapa penglibatan dalam jenayah domestik dan jenayah jalanan (curi, samun, ragut, pecah rumah) lebih banyak berlaku kepada kumpulan ini.

### **Ketidakbertanggungjawaban suami menyediakan nafkah**

Hasil analisa data menunjukkan kesemua informan menyatakan bahawa suami mereka tidak bertanggungjawab dalam menyediakan keperluan nafkah. Seorang informan menyatakan;

*“...lepas dia mula ambil ice dia dah mula tak ambil tahu masalah keluarga yang dia tahu hanya nk duit ja.”*

(Informan 9, 23 tahun)

Analisa lanjut mendapati keadaan ini didorong oleh dua faktor, samada i) suami tiada pekerjaan tetap, ataupun ii) suami bekerja tetapi menggunakan semua gaji/pendapatan untuk membeli dadah.

### **Suami tiada pekerjaan tetap**

Impak penyalahgunaan dadah dalam kalangan pasangan berkahwin berkait rapat dengan status suami yang tiada pekerjaan tetap. Menurut informan, suami mereka samada menganggur, tidak memiliki pekerjaan tetap atau bekerja secara sendiri. Walaupun ada yang pernah mempunyai pekerjaan tetap tetapi akibat daripada terlibat dengan penyalahgunaan dadah, suami kerap ponteng kerja dan bertingkah laku di luar kawalan. Akhirnya setelah dibuang kerja, berlaku pengabaian nafkah dan tanggungjawab terhadap keluarganya.

*“.. tak ada kerja tetap (suami). Kadang-kadang tu dia kerja tapi bila dia dok banyak buat dengan aktiviti lain, jadi kerja dia tu dia tinggal-tinggal la. Kerja pula kita kata kerja biasa, kerja-kerja yang bukannya kita kata tetap. Kebanyakannya kerja sendiri ataupun kerja yang kita kata yang boleh atur jadual tu.”*

(Informan 5, 21 tahun)

### Menggunakan semua gaji/pendapatan untuk membeli dadah

Walaupun ada informan yang mengakui suami pernah bekerja tetap, namun menggunakan semua pendapatan yang diperoleh untuk membeli dadah. Tambahan pula, semua informan kajian ini menyatakan perkara yang sama bahawa suami bertindak melakukan apa sahaja untuk mendapatkan wang membeli dadah, seperti menjual perhiasan isteri dan barang-barang rumah. Malah mereka bekerja sekadar mencari duit untuk dihabiskan membeli dadah. Secara tidak langsung mengabaikan tanggungjawab dan nafkah tetap terhadap isteri dan anak-anak.

*“Kalaupun dia ada pun dia pi kerja sekadar untuk cari pendapatan dia dapat dia gunakan untuk membeli dadah la. Pendapatan yang dapat, mereka guna untuk hisap dadah. Dia bila jadi macam tu, jadi sara hidup untuk keluarga jadi terbeban la. Anak-anak pun untuk sekolah jadi tak sempurna la. Nak pi sekolah kena ada duit la apa semua, isteri pun jadi masalah tang sara hidup”*

(Informan 10, 26 tahun)

### Sikap agresif suami dalam hubungan seks

Pengkaji mendapati ada informan menyatakan suami sering bersikap agresif semasa dalam pengaruh dadah dan memaksa isteri melakukan hubungan seks.

*“...ada, dia pernah pukul saya, semasa saya dalam pantang dan dia paksa saya melakukan hubungan seks semasa saya dalam pantang.”*

(Informan 6, 23 tahun)

Masalah dari segi kekerapan melakukan hubungan seks juga menjadi isu yang dibangkitkan oleh isteri yang bersuamikan penagih dadah. Disebabkan suami tidak dapat mengawal tingkah laku di bawah pengaruh dadah, maka mereka akan bertindak melakukan seks walaupun isteri mereka dalam keadaan tidak bersedia. Ini dapat dilihat berdasarkan kepada pernyataan seperti berikut:

*“... orang yang menagih dadah ni sebenarnya mereka punya nafsu seks lebih tinggi kerana dia lebih macam ghairah. Sebab dia ambil dadah kan dia jadi macam rangsangan dalam badan dia. Memerlukan sesuatu terutama dari seks.”*

(Informan 10, 26 tahun)

Menurut informan, pasangan mereka menjadi lebih agresif dalam tingkah laku serta nafsu untuk melakukan hubungan seks meningkat akibat daripada rangsangan dadah yang diambil.

## PERBINCANGAN

Kajian ini telah mengenalpasti impak penyalahgunaan dadah ke atas hubungan rumah tangga fasa awal perkahwinan (1 hingga 5 tahun pertama). Penerokaan mendalam telah dilakukan ke atas informan yang mengakui melalui penceraian apabila rumah tangga sering berkonflik berpunca daripada penglibatan suami dalam penagihan dadah. Suami kesemua informan yang dikaji turut terlibat dalam jenayah lain dan mendera isteri serta anak-anak. Pengguna dadah kebiasaannya bertingkah laku temperamental, agresif dan sukar mengendalikan emosi dengan baik. Bagi kes ekstrem, penagihan dadah turut menyebabkan berlakunya penderaan seksual. Walaupun tidak semua penagih dadah cenderung mengadakan hubungan seks secara paksaan dan mendera pasangan untuk kepuasan seks namun kajian membuktikan wujudnya perkaitan signifikan antara kedua-duanya. Penemuan ini menyokong kajian terdahulu oleh Sinha (2018) dan Moore et al. (2011).

Perkahwinan menjadi salah satu faktor pelindung penagihan dadah. Bermakna, penagih boleh mengawal dan berhenti daripada penyalahgunaan dadah kerana sokongan perkahwinan dan kekeluargaan. Keperluan emosi dan psikososial yang dipenuhi menerusi hubungan perkahwinan khususnya kasih sayang

kekeluargaan menjadi elemen positif melindung daripada penyalahgunaan dadah. Namun kekuatan faktor ini gagal apabila kualiti hubungan suami isteri merosot, komitmen saraan berkurang dan terjejasnya adaptasi peranan ketua keluarga sejak fasa awal (1 hingga 5 tahun pertama) berkahwin. Pasangan yang dikaji masih berada dalam peringkat awal perkahwinan yang cenderung untuk mengalami konflik hubungan dan perselisihan. Fasa ini memerlukan kemampuan adaptif yang tinggi terhadap keperluan persekitaran oleh setiap pasangan yang berkahwin. Penyesuaian sangat penting dan pastinya masalah suami terlibat dengan jenayah atau penagih dadah akan menyukarkan adaptasi ini. Penagih dadah bukan bersifat risiko tunggal tetapi membawa bersamanya masalah berangkai seperti jenayah. Hasil kajian ini membuktikan bekas suami informan turut terlibat dengan jenayah lain seperti mencuri, meragut, minum arak dan berjudi.

Kecenderungan penagih dadah untuk terlibat jenayah juga telah didokumentasikan oleh ramai pengkaji terdahulu termasuklah Fauziah, et al. (2020) ; Ibrahim, et al. (2021) dan Vanassche et al (2017). Pengkaji-pengkaji ini menjelaskan bagaimana penyalahgunaan dadah akhirnya menyeret kepada jenayah lain seperti mencuri, meragut, samun dan pecah rumah. Kos memiliki dadah adalah tinggi dan majoriti penagih memerlukan bekalan dadah hampir setiap hari akibat tolerans yang bertambah. Kesannya, penagih sanggup untuk melakukan apa sahaja bagi mendapatkan wang membeli bekalan termasuklah terlibat jenayah. Akhirnya menjadi justifikasi kukuh mengapa penglibatan dalam jenayah domestik dan jenayah jalanan (curi, samun, ragut, pecah rumah) lebih banyak berlaku kepada kumpulan ini. Sampai satu tahap, jenayah menjadi bagi sumber pendapatan (Ezarina, 2020). Namun, hasil duit dari jenayah dibelanjakan sepenuhnya bagi membeli semula dadah dan menjadikan keluarga kekal dalam kemiskinan serta pengabaian. Impak lebih kritikal pastinya adalah ketidakupayaan fizikal dan tahap kesihatan penagih. Walaupun bekerja, sukar untuk mereka bertahan dalam pekerjaan kerana pergantungan kepada dadah menjadikan fizikal tubuh. Ketagihan berterusan, risiko penagih berulang atau rekod jenayah penagih sememangnya mempengaruhi kepercayaan majikan (Ezarina et al. 2016). Risiko dibuang kerja menjadi justifikasi kesan langsung dalam pengabaian nafkah dan ketidakbertanggungjawaban terhadap keluarga. Selain itu, kepuasan berada dalam perkahwinan turut didorong oleh bagaimana bentuk persepsi suami dan isteri terhadap perkahwinan dan pasangan masing-masing (Zainah et al., 2012). Isteri dilaporkan lebih cenderung untuk kurang berpuas hati dengan perkahwinan berbanding suami. Ini menambah rasa tertekan dan mudah untuk mencari jalan keluar daripada perkahwinan. Wujud situasi isteri yang menganggap perkahwinan menjadi kurang berkualiti apabila mereka perlu berunding dengan suami mengenai tanggungjawab kerja dan urusan keluarga sedangkan suami seperti tidak peduli akibat terjebak dengan dadah. Situasi rumahtangga begini pada fasa pertama perkahwinan sudah tentunya mencetuskan perselisihan dan tekanan dalam hubungan.

Terbukti penagih dadah mewujudkan persekitaran bahaya dalam rumahtangga khususnya kepada pasangan dan anak-anak. Keluarga memasuki fasa bahaya penagih dadah apabila wujud indikator : i) tinggi kekerapan pertengkaran antara suami isteri tentang beban kewangan dan kegagalan ahli menunaikan tanggungjawab, ii) isteri atau pasangan menunjukkan tanda-tanda tekanan emosi yang teruk, iii) berlaku beberapa episod penderaan fizikal, psikologi dan seksual ke atas isteri serta anak-anak, iv) isteri perlu sering memberi alasan kepada majikan suami dengan mengatakan suami sakit dan tidak dapat hadir bekerja dan v) isteri mula menjauhkan diri daripada rakan, jiran serta ahli keluarga terdekat kerana bimbang perbuatan suami menagih dadah diketahui pihak lain. Indikator fasa bahaya inilah yang menjelaskan pengalaman isteri berhadapan impak penagih dadah dalam rumahtangga.

Konflik rumahtangga pada usia perkahwinan bawah lima tahun yang berpunca daripada masalah penagih dadah bukan sahaja mewujudkan risiko penceraian tetapi juga pengabaian ke atas kanak-kanak. Pastinya menjadi ibu tunggal pada usia muda lebih mencabar kerana fasa awal ini merupakan fasa penting dalam mencari kestabilan hidup khususnya ekonomi. Cabaran ketara akibat dwi peranan sebagai pencari nafkah dan ibu kepada anak yang masih kecil perlu dilalui dan ia berkemungkinan menyebabkan pengabaian. Kajian ini memberi implikasi kepada pentingnya satu intervensi khusus bagi wanita yang mempunyai suami menyalahguna dadah agar sentiasa peka dengan risiko penderaan domestik oleh pasangan. Amat penting untuk ibu muda ini diberi pendedahan tentang wujudnya agensi sokong bantu dan pakar yang boleh dirujuk apabila berhadapan dengan konflik rumahtangga. Kesediaan isteri untuk bersikap terbuka dalam mengelak kesan jangka panjang khususnya kepada anak sangat signifikan semasa berhadapan dengan situasi keluarga yang terlibat dadah. Mereka perlu berani keluar

mendapatkan pertolongan. Keganasan rumah tangga dalam apa jua bentuk dan faktor penyebabnya amat sukar untuk ditangani apabila i) isteri atau mangsa sangat bergantung emosi dan kewangan kepada suami, ii) masih mahu tinggal sekediaman serta iii) mengelak daripada mencari sokongan sosial. Kes begini memerlukan intervensi bersifat segera kerana semua penderaan domestik berisiko menjadi parah atau mengakibatkan kehilangan nyawa. Kesan lebih teruk akan berlaku apabila pelaku/suami tidak waras akibat pengaruh dadah. Maka kesediaan isteri untuk tampil mendapatkan bantuan adalah sangat penting.

Aspek advokasi atau perundangan, keselamatan serta perlindungan segera dari penderaan, rawatan pada isteri dan anak, jaminan kewangan apabila isteri turut mengalami penderaan ekonomi (disekat daripada mempunyai wang) perlu diberi perhatian. Implikasi kajian ini turut mengetengahkan perkembangan profesi menolong khususnya praktis kerja sosial keluarga dalam mengenal pasti keutamaan isteri yang berhadapan dengan pelbagai isu apabila suami terlibat dengan penagih dadah. Penderaan emosi, kekangan kewangan, pengabaian anak, menangung risiko apabila suami melanggar undang-undang dan juga trauma telah terbukti mencorakkan pengalaman negatif kehidupan berumah tangga wanita yang bersuamikan penagih dadah. Antara pelbagai impak yang telah dibincangkan sebelum ini, keutamaan yang perlu diberi penekanan dalam membantu adalah dengan mengambil kira keperluan emosi dan keupayaan berdaya tindak. Usaha mengatasi trauma sebagai contoh perlu ditangani terlebih dahulu sebelum intervensi lain digerakkan. Kapasiti klien berdepan masalah juga perlu diberi perhatian khususnya dalam pembuatan keputusan dan penentuan kendiri mereka.

## KESIMPULAN

Penemuan yang dibentangkan dalam artikel ini merupakan pengalaman isteri kesan berumahtangga dengan suami yang terlibat menyalahguna dadah. Pengalaman dalam tempoh fasa awal iaitu fasa usia perkahwinan 1 hingga 5 tahun menunjukkan semua informan yang dikaji sering dipukul suami, merasa bimbang dengan keselamatan diri akibat suami juga terlibat dengan jenayah lain, bebanan rumah tangga kerana suami tidak bertanggungjawab dalam menyediakan nafkah dan rasa tidak selesa apabila suami kerap memaksa melakukan hubungan intim yang kasar. Walaupun perkahwinan boleh menjadi faktor pelindung daripada berlakunya masalah sosial, namun risiko rumah tangga berada dalam konflik dan tidak stabil menjadi tinggi bagi perkahwinan dalam tempoh 1 hingga 5 tahun akibat penglibatan ahli keluarga khususnya suami dalam menyalahgunaan dadah.

## RUJUKAN

- AADK, (2021). Statistik Penagih Dadah Mengikut Negeri 2014 – 2019. <https://www.adk.gov.my/en/public/drugs-statistics/> retrieved 19 April 2021
- Abe Sophian, A. R., Zuliza, M. K. A., & Fakhri, O. (2014). “Faktor Pencerayaan di Mahkamah Syariah Bahagian Mukah, Sarawak dari tahun 2000 hingga 2010. *Jurnal Islamiyyat*, 36(1).
- Barbara C. Moore, Caroline J. Easton, and Thomas J. McMahon. 2011 Drug Abuse and Intimate Partner Violence: A Comparative Study of Opioid-Dependent Fathers. *Am J Orthopsychiatry*, 81(2), 218–227.
- Clarke, V., & Braun, V. (2013). *Successful Qualitative Research: A Practical Guide for Beginners*. London: Sage.
- Daley, D.C. (2013). Family and social aspects of substance use disorders and treatment. *Journal Food Drug Anal*, 21(4), 73–76.
- Dew, J.P & Steward, R. (2012). A Financial Issue, a Relationship Issue, or Both? Examining the Predictors of Marital Financial Conflict. *Journal of Financial Therapy*, 3(1), 43-61.
- Edwards, A.C., Lönn, S. L., Sundquist, J., Kendler, K. S., & Sundquist, K. (2017). Associations between divorce and onset of drug abuse in a Swedish national sample. *American Journal of Epidemiology*. 187(5), 1010 – 1018.
- Ezarina Z. (2020). Jenayah Jalanan dan Sumber Pekerjaan. Dlm. Fauziah Ibrahim, Ezarina Zakaria & Norulhuda Sarnon. *Jenayah Jalanan : Isu, Punca dan Mekanisme Pencegahan*, hlm 68-79. Bangi: Penerbit UKM
- Ezarina Z., Fauziah. I., Salina. Nen., Norjana. S., & Mohd Norahim. MS. (2016). Perbandingan peluang pekerjaan oleh majikan kepada bekas penagih dadah di Malaysia. *Journal of Southeast Asian Studies (JATI)*, 21, 124-141.

- Ibrahim, F., Zakaria, E., Hassan, N., Kamaluddin, M. R., Wan Sulaiman, W. S., & Yunos, N. A. (2021). Profiles and Experiences of Drug Use and Criminal Involvement among Malay Offenders in Malaysia. *EDUCATUM Journal of Social Sciences*, 7(1), 55-66.
- Ibrahim, F., Mohd Hoesni, S., Zakaria, E., Nen, S., Sarnon, N., Alavi, K., Subhi, N., & Mohamad, MS. (2020). Drug abuse and the involvement of prisoners in street crimes. *International Journal of Psychosocial Rehabilitation*, 24(04), 4508 – 4516.
- Goldenberg, H. & Goldenberg, I. (2012). Family Therapy: An Overview (8th ed). Singapore: Cengage Learning.
- Härkönen, J. 2013. Divorce: Trends, Patterns, Causes, Consequences. Stockholm Research Reports in Demography: 7
- Klostermann, K. & O'Farrell, T.J. (2013). Treatment of substance abuse: Partner and family approaches. *Social Work Public Health*, 28, 234–247.
- Miller, S.M., Siegel, J. T., Hohman, Z., & Crano, W.D. (2013). Factors mediating the association of the regency of parent's marijuana use and their adolescent children's subsequent initiation. *Psychology of Addictive Behaviors*, 27(3), 848-853.
- Namita Sinha 2018. Effect of marital status on substance abuse - A review. *International Journal of Recent Scientific Research*, 9(5H), 27012-27015.
- Nur Juwariyah, M. (2011). Fasakh di dalam Enakmen Undang-undang Pentadbiran Keluarga Islam (Negeri Terengganu) tahun 1985. Tesis Disertasi, Fakulti Pendidikan, UTM.
- Siti Marziah, Z., Asila Nur Adlynd., MS., Salina, N., & Nor Ba'yah, AK. (2020). Perception of Marital Quality among Young Married Couples in Selangor. *International Journal of Psychosocial Rehabilitation*, 24(04), 4115 – 4129.
- Siti Marziah, Z., Abdul Rahman, AB., Nor Ba'yah, AK., & Salina, N. (2018). Pengukuran dan peramal perkahwinan berkualiti: Satu sorotan. *Journal of Education and Social Sciences*, 9(1) , 59 – 64.
- Sofie, V., An Katrien, S., Charlotte, D., & Koen, M. (2017). Alternating Residence for Children After Parental Separation: Recent Findings from Belgium. *Family Court Review : An Interdisciplinary Journal*, 55(4), 545 – 555.
- Suchman, NE., Pajulo, J. & Mayes, LC. (2013). Parenting and Substance Abuse: Developmental Approaches to Intervention. New York: Oxford University Press
- Zainah, AZ., Rohany, N., Asmawati, D., Rozainee, K., Fatimah, Y., Siti Hajar, MY. (2013). Kefungsian keluarga, pengherutan kognitif dan resilien dalam kalangan klien Cure and Care Rehabilitation Centre (CCRC) dan Klinik Cure and Care (C&C). *Jurnal Psikologi Malaysia*, 27: 137-149.
- Zainah, A. Z., Nasir, R., Hashim, R. S., & Md Yusof, N. (2012). Effects of demographic variables on marital satisfaction. *Asian Social Science*, 8 (9), 46–49.